



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia beralamat di WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor. Tempoh sah laku sebut harga ialah **60 hari** mulai tarikh tutup sebut harga.

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN
<b>KWP(SH-B)21/2015/ASET</b>	<b>SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MESIN PEJABAT DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>020201</b>

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi/dimuat turun mulai **09 Julai 2015 (Khamis)** secara percuma melalui laman web <http://www.kwp.gov.my>.
3. Cadangan Tawaran Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 14 Julai 2015 (Selasa) jam 12.00 tengah hari** melalui kaedah berikut:
  - i) **Serahan tangan-** dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri/bermetri dengan nombor sebut harga ditulis di penjuru kiri sebelah atas sampul serta dikemukakan cadangan tawaran sebut harga hendaklah **diserahkan** di kaunter Bahagian Kewangan seperti alamat berikut:

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
ARAS 3, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH  
PRESINT 2, 62100 PUTRAJAYA  
(U.P.: BAHAGIAN KEWANGAN)**
  - ii) **Melalui faks:** **03-8889 7730**
  - iii) **Melalui e-Mel:** **sebutharga\_b@kwp.gov.my**
4. Tawaran sebut harga yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
5. **Harga tawaran** oleh Penyebut harga hendaklah **tanpa kenaan GST**.
6. Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.



**KERAJAAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**KWP(SH-B)21/2015/ASET**

---

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MESIN PEJABAT  
DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

---

**PERINGATAN PENTING**

**YANG SILAP MENGISI BORANG TAWARAN ATAU MELANGGAR MANA-MANA  
ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI TIDAK AKAN  
DIPERTIMBANGKAN**

**SILA BACA DAN FAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DALAM  
DOKUMEN SEBUT HARGA INI SEBELUM MEMBUAT TAWARAN**

## SEKSYEN 1 - ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. Kenyataan Tawaran

- 1.1 Pelawaan sebut harga ini terbuka kepada syarikat-syarikat yang eP enabled beralamat pendaftaran di Putrajaya, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berikut:

020201 - Mesin Pejabat dan Aksesori

- 1.2 Pendaftaran kod bidang hendaklah masih sah sekurang-kurangnya dalam tempoh **Tiga (3) bulan** daripada tarikh pelawaan sebut harga ini.
- 1.3 Cadangan Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan melalui kaedah **serahan tangan, faks atau e-mel** ke alamat berikut:

**Kementerian Wilayah Persekutuan,  
Bahagian Kewangan  
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2  
62100 Putrajaya.  
Nombor Faks: 03-8889 7730  
e-Mel: sebutharga\_b@kwp.gov.my**

- 1.4 Tawaran sebut harga yang **tidak menggunakan format Dokumen Sebut Harga** yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Walau bagaimanapun, penggunaan lampiran tambahan adalah dibenarkan.
- 1.5 Tarikh akhir penyerahan sebut harga **serahan tangan, faks atau emel** hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **14 JULAI 2015 (SELASA)** **JAM 12:00 TENGAHARI**. Dokumen sebut harga yang diterima selepas daripada tarikh dan masa yang ditetapkan, bersabit dari apa-apa punca sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.
- 1.6 Cadangan Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani perlu dikembalikan kepada Kementerian seperti berikut:
- Lampiran Q**
  - Lampiran A - Keterangan Mengenai Penyebut harga;**

- c) **Lampiran B** - Surat Jaminan Penyebut harga
  - d) **Lampiran C** - Surat Akuan Pembida
  - e) **Lampiran D** - Jadual Harga;
  - f) **Lampiran E** – Jadual Spesifikasi Bekalan
  - g) **Senarai Semak**
  - h) Salinan **Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia** yang telah disahkan;
- 1.7 **Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih tanpa kenaan GST.**
- 1.8 Penyebut harga hendaklah **mengisyiharkan Status Pendaftaran GST** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam **Borang Keterangan Penyebut harga (LAMPIRAN A)**. Sekiranya Penyebut harga telah berdaftar GST dengan JKDM hendaklah mengemaskini No. Pendaftaran GST dalam **Modul Pendaftaran Pembekal Sistem ePerolehan dengan segera**.
- 1.9 Perolehan pembekalan barang adalah diberi pelepasan daripada kenaan GST kecuali kereta import dan petroleum (RON 97). Walau bagaimanapun, bagi tujuan rekod, Syarikat hendaklah mengisyiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST sekiranya berdaftar GST dengan JKDM.
- 1.10 Harga yang ditawarkan hendaklah juga termasuk Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.
- 1.11 Harga yang disebutkan di dalam **LAMPIRAN D (Jadual Harga)** hendaklah sah laku bagi tempoh tidak kurang daripada sembilan puluh (**60 hari**) dari tarikh tutup sebut harga.

## 2. Pembayaran

- 2.1 Semua pembayaran adalah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM);
- 2.2 Pembayaran perkhidmatan akan dibuat secara sekali gus (*one-off*) setelah penyempurnaan perkhidmatan telah disahkan dengan disertakan dokumen tuntutan seperti invois/nota penghantaran.

## 3 Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan

- 3.1 *Integrity Pact* dilaksanakan bertujuan untuk :
  - a) Mengelak daripada menawar atau memberi rasuah;
  - b) Menghendaki Penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
  - c) Memastikan Kerajaan tidak menanggung “*unnecessary costs*” dalam pelaksanaan urusan perolehan.
- 3.2 *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan terdiri daripada unsur-unsur penting seperti berikut :
  - a) menerima **pelawaan rasmi** untuk **menyertai sebut harga** bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja;
  - b) membuat **akuan** bahawa Penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak untuk mendapatkan atau mengekalkan sesuatu kontrak berkaitan perolehan Kerajaan;
  - c) mewujudkan “**Code of Conduct**” bagi membenteryas gejala rasuah dan perlakuan tidak beretika di kalangan kakitangan syarikat serta mengadakan **program pematuhan “Code of Conduct”** untuk semua kakitangan syarikat; dan

### 3.3 Kaedah Pelaksanaan *Integrity Pact*

Kesemua Penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **LAMPIRAN D**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran .

## 4 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 4.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.2 Sekiranya mana-mana pihak menawar atau memberi apa-apa suapan kepada anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegahan Rasuah atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang di bekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

## 5 MAKLUMAT TAMBAHAN

5.1 Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini hendaklah dirujuk kepada:

Seksyen Perolehan,  
Bahagian Kewangan,  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2,  
62100 PUTRAJAYA

Nombor Telefon : 03-8889 7685 / 7826  
Nombor faksimili : 03-8889 7730  
Emel : [sebutharga@kwp.gov.my](mailto:sebutharga@kwp.gov.my)

## **SEKSYEN 2**

## **LAMPIRAN-LAMPIRAN**

**LAMPIRAN Q**  
**(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan  
nombor ini

No. Sebut Harga :
<b>KWP(SH-B)21/2015/ASET</b>

(Kew.284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN**  
**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MESIN PEJABAT**  
**DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)  .....	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap) <b>Kementerian Wilayah Persekutuan</b> <b>Aras G, 1-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah</b> <b>Presint 2, 62100 Putrajaya</b>
No. Telefon : .....	E-mel: <b>sebutharga_b@kwp.gov.my</b>
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan : .....	No. Faks: <b>03-88897730</b>
Kod bidang pendaftaran yang relevan Dengan pembelian ini : <b>020201</b>	Tarikh: <b>09 Julai 2015</b>

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
  - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan: **Rujuk Dokumen Sebut Harga.**
  - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki: **Rujuk Dokumen Sebut Harga.**
  - 1.3. Arahan pengiriman: **Kementerian Wilayah Persekutuan, Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Putrajaya.**
  - 1.4. Sebut harga hendaklah dihantar secara **serahan tangan / faks / e-mel** sebelum atau pada **14 Mei 2015 (Selasa) tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari.**
  - 1.5. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **enam puluh (60) hari** mulai daripada tarikh tutup sebut harga.

Tarikh: 09 Julai 2015

Oleh: Seksyen Perolehan KWP

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarikat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar/Unit (RM)	Harga (RM)
1.	Mesin Laminate	Unit	2		
2.	Mesin penebuk elektrik 2 lubang <i>heavy duty</i>	Unit	2		
3.	Mesin perincih <i>heavy duty</i>	Unit	2		
4.	Mesin binding elektrik (Comb) <i>heavy duty</i>	Unit	2		
5.	Mesin Faksimili	Unit	2		
6.	Mesin Pengimbas cum Printer  (Sila rujuk spesifikasi terperinci dalam dokumen sebut harga)	Unit	1		
	<i>Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.</i>				
	<b>Jumlah keseluruhan(RM)</b>				

- (i) **Harga yang ditawarkan adalah tanpa kenaan GST; dan**  
(ii) **Tempoh pembekalan \_\_\_\_\_ hari / bulan (Maksimum 14 hari tempoh ditetapkan).**

Saya/Kami dengan ini menawarkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat – syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat – syarat di atas dan di belakang ini.

Tandangan  
Penyebut Harga:.....

Nama dan K/P: .....

Alamat Syarikat: .....

Tarikh : .....

**Mustahak - Lihat Syarat – syarat Am Di Belakang**

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos pengangkutan yang berkaitan.

### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

### **4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5. PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

### **6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

### **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

### **8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

- (ii) Apabila diminta, menyebut harga hendaklah menyebabkan barang Pekeliling yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

#### **9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

#### **10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan menyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

#### **11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

### **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

#### **12. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

#### **13. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

**14. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**15. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**LAMPIRAN A****KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA****Arahan Kepada Penyebut harga :**

Semua butir di lampiran ini hendaklah diisi oleh Penyebut harga dengan **betul** dan **lengkap** serta dikembalikan bersama-sama dengan cadangan/tawaran. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan sebut harga ini ditolak dan mengakibatkan tindakan diambil ke atas Penyebut harga .

**Bahagian A: Maklumat Asas Penyebut harga**

1. Nama Syarikat : \_\_\_\_\_
2. Alamat Syarikat
  - 2.1 Ibu Pejabat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - 2.2 Cawangan : \_\_\_\_\_  
*(sekiranya ada)*  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. No. Telefon dan No. Faks : \_\_\_\_\_  
Alamat Emel : \_\_\_\_\_
4. No. Pendaftaran dengan  
Kementerian Kewangan : \_\_\_\_\_  
**(Sila sertakan salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor yang diakui sah)**
5. Pengisytiharan Status Pendaftaran GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM):  
**Tidak Berdaftar GST dengan JKDM / Berdaftar GST dengan JKDM No.:**  
\_\_\_\_\_ (potong yang tidak berkenaan)
6. Telah mengemaskini No. Pendaftaran GST dalam Sistem ePerolehan: **Ya / Tidak**  
**(Bagi Penyebut harga yang berdaftar GST dengan JKDM)**

7. Tarikh Pendaftaran Syarikat : \_\_\_\_\_
8. Tempoh Sah Pendaftaran  
Syarikat : \_\_\_\_\_
9. Jenis-jenis Perniagaan : \_\_\_\_\_
10. Jenis Syarikat : Syarikat Persendirian / Syarikat Perkongsian /  
Syarikat Tanggungan Bhd / Syarikat Sdn. Bhd.  
*(potong yang tidak berkenaan)*
11. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan
- i. Modal dibenarkan : \_\_\_\_\_
  - ii. Modal Berbayar : \_\_\_\_\_
  - iii. Kemudahan Kewangan : \_\_\_\_\_ Nilai : \_\_\_\_\_  
*(Overdraft, Urusan Pemfaktoran dll)*  
**(Sila lampirkan satu salinan yang diakui sah)**
12. Nama Bank : \_\_\_\_\_  
Alamat Bank : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
13. Status Syarikat (*Tandakan √ di mana yang berkenaan*)
- i. 100% Syarikat Tempatan \_\_\_\_\_
  - ii. Perkongsian Antara Syarikat Tempatan/Luar Negeri \_\_\_\_\_
  - iii. Syarikat Luar Negeri \_\_\_\_\_
  - iv. Lain-lain (*nyatakan*)  
\_\_\_\_\_
14. Butir-butir Pemilik/Pemegang Saham Syarikat :
- i. Jika milik perseorangan

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan

ii. Jika milik perkongsian

Bil	Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan	% Milik

iii. Jika Syarikat Sendirian Berhad

Bil	Lembaga Pengarah	No. Kad Pengenalan

Bil	Nama Pemegang Saham/ No. Kad Pengenalan	Status Bumiputera/ Bukan Bumiputera	Bilangan Saham/ % milik

**CATATAN : Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi.**

15. Nyatakan pembekal utama dalam perkhidmatan bagi Sebut harga ini (sekiranya tanaman dibekalkan oleh pembekal/syarikat lain)

i. Nama Pembekal Utama : \_\_\_\_\_

ii. Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

iii. No. Telefon : \_\_\_\_\_

16. Nama orang yang bertanggungjawab dalam urusan Sebut harga ini dan yang akan menandatangani Sebut harga sekiranya berjaya:

- i. Nama : \_\_\_\_\_
- ii. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
- iii. Jawatan : \_\_\_\_\_

17. Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua penerangan di atas adalah benar.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**Cap Rasmi Syarikat**

*Nota: Jika didapati keterangan/maklumat di atas tidak benar, pihak Kerajaan berhak menolak/membatalkan tawaran syarikat tuan.*

**LAMPIRAN B****SURAT JAMINAN PENYEBUT HARGA**

Kepada:

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN,  
ARAS G-7, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH, PRESINT 2,  
62100 W. P. PUTRAJAYA**

Tuan,

**NO.SEBUT HARGA : KWP(SH-B)21/2015/ASET  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MESIN PEJABAT DI KEMENTERIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

Adalah saya/kami dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah keseluruhan sebanyak **RM.....(Ringgit Malaysia .....**) (FOB).

2. Saya/kami mengesahkan bahawa pembekalan dalam sebut harga ini adalah pembekalan baru, mencapai piawaian atau kualiti dan dijamin keselamatan.

Ketidak sempurnaan yang berpunca dari saya/kami atas sebab kualiti atau mutu atau proses penghantaran atau pembekalan di dalam tempoh pembekalan/jaminan, pembekalan baru akan diberikan atau akan dilaksanakan oleh pihak ketiga dan kos tambahan tidak akan dikenakan kepada Kerajaan.

3. Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa kami akan menyempurnakan pembekalan dalam tempoh masa yang dipersetujui atau tempoh jaminan. Jika sebut harga ini diterima, saya/kami bersetuju untuk menandatangani Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh surat tersebut.

4. Saya/kami bersetuju bahawa tempoh sah laku sebut harga ini akan dibuka selama enam puluh (60) hari daripada tarikh sebut harga ini ditutup dan dalam tempoh tersebut saya/kami tidak boleh menarik balik tawaran sebut harga tersebut.

.....  
(Tandatangan )

Nama Penuh :

No. K/P :

No. Telefon :

No. Faks :

Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat :

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :

No. K/P :

No. Telefon :

No. Faks :

Tarikh :

Saya dengan ini mengesahkan **jumlah harga** bagi Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Mesin Pejabat Di Kementerian Wilayah Persekutuan yang ditawarkan adalah sebanyak RM

..... (Ringgit Malaysia: ..... ) adalah harga sebenar.

.....  
Tandatangan

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat :

.....  
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat :

No. Telefon :

No. Telefon :

No. Faksimile :

No. Faksimile :

Tarikh :

Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat:

**LAMPIRAN C**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**NO.SEBUT HARGA : KWP(SH-B)21/2015/ASET  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MESIN PEJABAT  
DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Saya,..... nombor K.P .....  
yang mewakili .....nombor Pendaftaran  
**(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)** dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Wilayah Persekutuan** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

1. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Wilayah Persekutuan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama :

No. KP:

Cop syarikat :

**LAMPIRAN D**

<b>JADUAL HARGA</b>						
<b>Bahagian/ Unit : ASET</b> <b>Bekalan : SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MESIN PEJABAT DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN PERSEKUTUAN</b>						
Bil	Perihal barang-barang / perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Kekerapan	Kadar seunit (RM)	Harga (RM)	Catatan
1	Mesin Laminate	Unit	2			
2	Mesin penebuk elektrik 2 lubang <i>heavy duty</i>	Unit	2			
3	Mesin perincih <i>heavy duty</i>	Unit	2			
4	Mesin binding elektrik (Comb) <i>heavy duty</i>	Unit	2			
5	Mesin Faksimili	Unit	2			
6	Mesin Pengimbas cum Printer	Unit	1			
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>						

.....  
Tandatangan Penyebut Harga

Nama Penuh :

No. K/P :

**Nota: Harga Tawaran hendaklah tanpa kenaan GST**

## LAMPIRAN E

## SPESIFIKASI BEKALAN

BIL	PERKARA / ITEM	SPESIFIKASI	KUANTITI	Ya / Tidak (Nyatakan Cadangan Sekiranya Ada)	Jenama Yang Akan Dibekalkan
1	Mesin <i>laminate</i>	i. Max. Document Size : A3 ii. Pouch Thickness (mic) : 80 - 250 mic iii. No. of Rollers : 4 iv. Warm-up Time (minutes) : 4 Minutes v. Size in mm (WxDxH) : 554 x 220 x 116 vi. Entry Width (mm) : 330 <b>(Nyatakan tempoh jaminan/waranti mesin)</b>	2		
2	Mesin penebuk elektrik 2 lubang <i>heavy duty</i>	<i>Heavy Duty Puncher</i> <i>Electric 2 hole</i> <i>Punch : 300 sheets</i> <i>Hole Depth : 12mm</i> <i>Hole Diameter : 6mm</i> <i>Dimension : 202 x 398 x 295 mm</i> <b>(Nyatakan tempoh jaminan/waranti mesin)</b>	2		
3	Mesin perincih <i>heavy duty</i>	<i>Cutting type : Cross Cut</i> <i>Security level : 3</i> <i>Cutting Capacity (70gsm) : 30 sheets</i> <i>Paper Entry Width (mm) : 305</i> <i>Speed (m/min) : 6</i> <i>Working Cycle (On/Off) : Continuous</i> <i>Dimensions W x D x H in mm : 559 x 508 x 965</i> <i>Weight in kg : 67</i> <i>Bin Capacity (litres) : 114</i> <i>Applicable for paper, staples clip, paper clips, credit card &amp; CD/DVDs</i> <b>(Nyatakan tempoh jaminan/waranti mesin)</b>	2		

4	Mesin binding elektrik (Comb) heavy duty	<p><i>Punch capacity 25 sheets at a time</i></p> <p><i>Maximun binding capacity 500 sheets</i></p> <p><i>Maximum Comb 2"</i></p> <p><i>Comb Storage ü</i></p> <p><i>Removable binding mechanism can be used separately for increased productivity</i></p> <p><i>Releasable dies for different dicument sizes</i></p> <p><i>Adjustable edge guide centers documents with ease</i></p> <p><i>Front access tray for easy, mess-free waste disposal</i></p> <p><b>(Nyatakan tempoh jaminan/waranti mesin)</b></p>	2		
5	Mesin Faksimili	<p><i>Ukuran Kertas : Letter /A4</i></p> <p><i>Print Method : Monochrome Laser</i></p> <p><i>Print Speed : 18 / 19ppm</i></p> <p><i>Print Resolution : Up to 600 X 600dpi</i></p> <p><i>Warm-up Time (From Power On) : 14secs or less</i></p> <p><i>First Printout Time : Approx 7.8secs (A4), 7.7 secs.(LTR)</i></p> <p><i>Modem Speed : Up to 33.6Kbps</i></p> <p><i>Memori Capacity : Up to 512 pages</i></p> <p><i>Dimensi (WxDxH) : 372 x 400 x 303mm</i></p> <p><i>Weight : 8.8 kg</i></p> <p><i>Power Consumption : 1020W or less</i></p> <p><b>(Nyatakan tempoh jaminan/waranti mesin)</b></p>	2		
6	Mesin Pengimbas cum Printer	<p><i>Scan Features : TWAIN, WIA (Scan Driver Compatibility)</i></p> <p><i>Push Scan (Scan To PC) with MF ToolBox : Yes, USB, Network</i></p> <p><i>Printing Method : Colour Laser Beam Printing</i></p> <p><i>Print Resolution : 600 X 600 dpi</i></p> <p><i>Print Quality with Image Refinement Technology : 1200 x 1200dpi (equivalent)</i></p> <p><b>(Nyatakan tempoh jaminan/waranti mesin)</b></p>	1		

Tempoh Pembekalan : \_\_\_\_\_ Hari / Bulan (Maksimum tempoh pembekalan yang ditetapkan ialah 14 hari)

**SENARAI SEMAK**  
**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MESIN PEJABAT DI KEMENTERIAN**  
**WILAYAH PERSEKUTUAN PERSEKUTUAN**  
**NO. SEBUT HARGA: KWP(SH-B)21/2015/ASET**

Sila tandakan ✓ Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Sila Tandakan ✓ (Syarikat)
1.	LAMPIRAN Q	
2.	LAMPIRAN A	
3.	LAMPIRAN B	
4.	LAMPIRAN C	
5.	LAMPIRAN D	
6.	LAMPIRAN E	
7.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia	
8.	Salinan Sijil Pendaftaran GST bersama No. Pendaftaran GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Sekiranya Berdaftar GST dengan JKDM)	

.....  
Tandatangan Penyebut Harga

Nama Penuh :

Cap Syarikat :